

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	22/12/2018	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHILITAN / JPSM		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# PERHILITAN ambil alih pokok Bukit AEON

**Syarikat serah 60,000 spesies tumbuhan bagi dikawal, dipulihara pakar**

**Oleh Hamidah Badiran**  
hamidah@ntp.com.my

**Dengkil**

**A** EON Co (M) Bhd menyerahkan kawasan penanaman pokok seluas 26 hektar dikenali sebagai Bukit AEON di Paya Indah Wetlands kepada Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semanjung Malaysia (PERHILITAN), di sini, semalam.

Menyerahkannya itu, ia membolehkan PERHILITAN mengawal serta memelihara dan memulihara secara bertusutan lebih 60,000 pelbagai spesies pokok hutan seperti kekabu, gelantan, saga, bruas dan pelong yang ditanam oleh AEON sejak 14 tahun lalu hingga kini di kawasan berkenaan.

Pengarah Urusannya, Shinobu Washizawa, berkata aktiviti penanaman pokok di Paya Indah Wetlands termasuk dalam Projek Hu-

tan Persahabatan-Malaysia, yang mula diusahakan pada 15 September 2004.

"Projek berkenaan antara projek hijau paling berjaya dilaksanakan AEON dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, murid, komuniti setempat, penuntut, rakan niaga dan kakitangan AEON serta sukarelawan Jepun.

"Sepanjang tempoh itu, seramai 6,600 sukarelawan sudah menanam pokok di sini. Kami di AEON akan terus bergerak proaktif dalam kegiatan memelihara flora dan fauna termasuk pendidikan alam sekitar untuk menyampaikan keindahan alam semesta yang penuh dengan kehidupan kepada generasi akan datang.

**Bawah seliaan pakar**

"Saya percaya, setiap pokok di tanah ini sihat dan dijaga sebaik mungkin di bawah seliaan Perhilitan kerana mereka lebih pakar," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Kawasan Penanaman Pokok oleh AEON itu.

Yang turut hadir, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Tan Yew Chong; Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Abdul Kadir Abu Hassan; Pengarah Eksekutif AEON Co (M) Bhd, Poh Ying Loo dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)



**Xavier bersama Ying Loo (kanan) mendengar penerangan mengenai pokok hutan oleh Pegawai Kanan Penyelidikan FRM, Dr Ang Lai Hoe pada Majlis Penyerahan Kawasan Penanaman Pokok oleh AEON di Dengkil, semalam.**

Dengkil, Adhif Syan Abdullah. Sementara itu, Xavier berkata, Kementerian sentiasa komited melakukannya dengan baik dan mengah-utuskan segala bentuk kerjasama badan korporat dalam usaha pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar bagi manfaat generasi masa hadapan.

"Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak kerana sudah memberi so-

kongan serta sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuk masa dan tenaga.

"Usaha dilakukan AEON ini selain sebagai simbol hubungan erat terjalin antara Malaysia dan Jepun, ia juga diharapkan memberi contoh kepada pihak lain untuk melakukan perkara sama demi kesejahteraan kehidupan manusia, flora, fauna dan biodiversiti.

"Program sumpama itu wajar

diteruskan bagi menyuntik kesedaran masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dengan pemuliharaan tanaman mahupun hidupan liar," katanya.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) AEON dalam penanaman pokok dan hutan pertamanya kali dilancarkan pada 1991 di AEON Mall Melaka. Setakat ini, AEON sudah menanam lebih 500,000 pokok di Malaysia.

(FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)